

Remaja orang asli suku Bateq derita sakit mata hingga jejaskan penglihatan



Rania menderita penyakit mata sehingga menjejaskan penglihatan.

GUA MUSANG - Remaja orang asli suku Bateq, Kampung Kuala Koh di sini hampir buta tanpa diketahui punca sejak enam bulan lalu.

Kedua-dua belah mata Rania Rahim, 16, hanya mampu melihat secara kabur malah selaput mata hitamnya juga menjadi putih.

Rania berkata, matanya mula kabur selepas wabak yang melanda penduduk kampung dan ahli keluarganya pada Mei tahun lalu.

Katanya, dia tidak pernah mendapatkan rawatan dari

mana-mana hospital dan hanya berada di rumah sahaja.

“Dalam kejadian wabak enam bulan lalu, kakak (Farah Rahim, 20) dan abang saya (Haika Rahim, 22) meninggal dunia.

“Selepas mereka meninggal, saya pula menderita penyakit melibatkan mata. Saya ingat hanya sakit biasa namun ia makin merebak sehingga menjejaskan penglihatan,” katanya.

Sementara itu, Presiden Sahabat Jariah Malaysia, Johan Halid berkata, Rania telah dibawa ke Hospital Orang Asli

Gombak untuk mendapatkan pemeriksaan lanjut.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati Rania disahkan menghidap *bilateral corneal ulcer TRO* dan dirujuk ke Jabatan Ophthalmologi, Hospital Kuala Lumpur (HKL).

“Proses pembedahan dan perubatan mata Rania bagi menggantikan kanta artificial menelan kos sebanyak RM1,800.

“Sekiranya tiada agensi mahupun badan-badan yang mahu menanggung kos terbabit, kami akan bantu sedayanya,” katanya.